



Keajaiban LINTAH

Oleh Ismail Restu

BUKTI menunjukkan bahawa penggunaan lintah dalam bidang perubatan dipelopori oleh orang Aryan di India sekitar tahun 500 SM. Dokumen dalam bahasa Sanskrit, yang membincangkan lintah, juga ditemukan di India.

Pada zaman moden, lintah mula digunakan secara meluas di Eropah pada tahun 1800. Negara perintisnya ialah Perancis. Pada zaman Napoleon, seorang doktor bernama Francois Broussais memperkenalkan penggunaan lintah di negara Eropah yang lain. Walau bagaimanapun, cara yang diamalkan oleh Broussais tidak

disetujui oleh doktor lain pada zaman itu.

Mengikut cara yang dilakukan olehnya, pesakit harus berada dalam keadaan lemah sebelum dibedah atau diubati. Dia menggunakan lintah untuk menghisap darah pesakit untuk membuang darah kotor. Badan pesakit seterusnya menjadi lemah.

Perancis mengimport sebanyak 1000 juta ekor lintah antara tahun 1800 hingga tahun 1900. Pada waktu itu, lintah berfungsi seperti aspirin pada hari ini. Perancis juga biasa menggunakan lintah sebagai alat untuk membunuh. Pesalah yang dijatuhi hukuman mati

akan menjadi korban kepada lintah "pembunuh" itu. Walaupun begitu, Perancis juga menjadi negara perintis penggunaan lintah dalam bidang perubatan, khususnya pembedahan pada awal tahun 1970-an.

Seorang lagi pengkaji lintah, Charles Lent, membuat kajian tentang lintah selama 15 tahun di Universiti Utah, Amerika Syarikat. Doktor ini mengakui kepentingan lintah sebagai ubat. Kajiannya juga menunjukkan banyaknya faedah lain yang diperoleh daripada lintah.

Antara bahan yang diperoleh daripada seekor lintah termasuklah

sejenis kimia yang dikeluarkan melalui air ludah atau air liur. Kimia ini dikenali sebagai *hirudin*, *orgelase* dan *hementin*. *Hirudin* dan *orgelase* diperolehi daripada lintah yang berasal dari Eropah, manakala kimia *hementin* pula diperolehi daripada lintah yang berasal dari Amazon, Brazil. Lintah ini panjangnya 18 inci!

Kimia hirudin boleh digunakan untuk mencegah darah daripada menjadi beku. Kimia *orgelase* pula berfungsi supaya hirudin tetap mengalir keluar apabila lintah menggigit mangsanya. Setiap seekor lintah memastikan darah yang dihisapnya tidak menjadi beku dengan menggunakan kimia tadi.

Menurut Dr. Fred Valauri, pakar bedah dari Davies Medical Centre, San Francisco, Amerika Syarikat, lintah dapat menyembuhkan penyakit yang sukar diubati oleh perubatan moden. Tidak semua bahagian tubuh manusia dapat diubati dengan kaedah saintifik.


Dalam kes lain, Nicholas Pollard, budak lelaki berusia lima tahun, telah kehilangan dua batang jari tangannya dalam kemalangan. Pembedahan untuk mencantumkan dua batang jari yang putus itu dilakukan sendiri oleh Dr.

Valauri. Pembedahan ini mengambil masa tujuh setengah jam. Salur nadi halus Pollard tidak dapat disambung kerana terlalu kecil. Sebagai akibatnya, jari budak itu mula bertukar menjadi hitam. Lalu, Dr. Valauri membawa dua ekor lintah. Lintah itu diletakkan di tempat yang luka itu dan akhirnya jari tangan Pollard pulih seperti biasa.

Kes yang sama berlaku terhadap Franklin Dye dari New York. Dia ditimpa kemalangan dan telinganya putus. Pembedahan dilakukan oleh Dr. Khuwant Bhango. Pada mulanya, pembedahan telinga Dye sukar dilakukan. Dr. Bhango mengambil keputusan untuk menggunakan lintah dalam pembedahan tersebut. Usaha doktor itu ternyata berjaya!

Kajian tentang penggunaan lintah dalam dunia perubatan dilakukan secara mendalam oleh Roy Sawyer. Kajiannya menunjukkan bahawa lintah digunakan sejak sebelum kelahiran Nabi Isa lagi. Kini Sawyer membuka ladang peliharaan lintah untuk dibekalkan ke rumah sakit yang memerlukannya.

Jadi, ahli sains telah menemukan keajaiban lintah. Lintah bukan sekadar haiwan penghisap darah, malah



lintah juga merupakan haiwan yang membantu manusia semasa kecemasan dalam bidang perubatan.

Kajian sains telah membuktikan hal ini. Lintah menjadi "juara" dalam penemuan baharu untuk tujuan perubatan. Kegunaannya sebagai ubat menyebabkan haiwan ini disayangi oleh ahli sains. Kalau dahulu tikus putih menjadi haiwan peliharaan ahli sains, kini lintah pula mengambil alih tempat itu.

Penggunaan lintah dalam bidang perubatan merupakan rahmat kepada pakar bedah, khususnya. Mereka menggunakan lintah dalam pembedahan sekiranya pembedahan itu dikhuatiri mempunyai masalah tertentu atau membahayakan pesakit.

Lintah bukan sahaja mudah diperolehi, tetapi juga mudah dipelihara seperti kata Sawyer, "Saya yakin lintah akan memberikan hasil yang lumayan pada masa akan datang. Penggunaan lintah dalam bidang perubatan menyebabkan permintaan terhadapnya kian bertambah."

Sebenarnya, setiap ciptaan Allah, a faedahnya. Allah tidak mencipta sesuatu dengan sia-sia, pasti ada rahsia yang tersirat di sebaliknya. Maka, menjadi kewajipan manusia untuk meneliti, mengkaji, dan menganalisis setiap ciptaan Allah itu.